



# LAPORAN TAHUNAN 2022

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN 2022

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

# KEPERLUAN BERKANUN

Selaras dengan Seksyen 8, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], Lembaga Ahli Geologi Malaysia dengan ini menerbitkan dan mengemukakan satu salinan Laporan Tahunan 2022 dan Penyata Kewangan bagi Tahun berakhir 31 Disember 2022 yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara.



**DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD, P.Geol.**

Pengerusi  
Lembaga Ahli Geologi Malaysia



# ISI KANDUNGAN

- 
- 4 Perutusan Pengerusi
- 7 Maklumat Korporat
- 8 Latar Belakang
- 9 Pernyataan Visi dan Misi
- 10 Pernyataan Tadbir Urus
- 11 Fungsi Lembaga
- 12 Carta Organisasi
- 13 Keanggotaan Lembaga Tahun 2022
- 14 Pengurusan Lembaga
- 15 Mesyuarat Lembaga
- 16 Jawatankuasa Lembaga
- 20 Laporan Penerimaan dan Penggunaan Sumber Pembiayaan Kerajaan
- 22 Laporan dan Analisis Prestasi Kewangan
- 24 Aktiviti Sepanjang Tahun 2022
- 37 Penyata Kewangan Tahun 2022

# PERUTUSAN PENGERUSI

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) bagi tahun 2022 dapat diterbitkan selaras dengan kehendak Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240]. Penerbitan laporan ini bertujuan untuk melaporkan prestasi dan pencapaian BoG sepanjang tahun 2022 di samping membentangkan kedudukan kewangan BoG.

Tahun 2022 telah menyaksikan kebangkitan semula semua sektor di setiap lapisan kehidupan masyarakat setelah dunia diuji dengan fenomena Covid-19. Justeru, BoG telah mengambil peluang untuk memperkemaskan lagi hala tuju profesion geologi dan perkhidmatan geologi agar dapat memainkan peranan yang berkesan dalam fasa pemuliharaan negara.

## Tadbir Urus

Tahun 2022 merupakan tahun kelapan penubuhan BoG. Pelbagai cabaran, isu dan kekangan telah dialami sepanjang tempoh tersebut. Ekoran daripada kekangan kewangan dan sumber tenaga kerja yang terhad, telah menjaskankan perancangan BoG untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Namun, BoG telah beriltizam untuk memperkemas tadbir urus dan perlaksanaan aktiviti-aktiviti selaras dengan fungsi dan bajet yang telah dipersetujui.

BoG bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko di agensi mencukupi serta berkesan untuk memberi jaminan terhadap pencapaian Visi dan Misi BoG. Tanggungjawab ini dipikul dalam menjalankan kuasa untuk melaksanakan fungsi-fungsi di bawah Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]. Ini melibatkan perancangan,

penilaian dan penggubalan tatakelola. Inisiatif ini diperjelaskan melalui pembangunan Pelan Strategik Organisasi, Pelan Antirasuah Organisasi, Prosedur Tetap Operasi dan Garis Panduan.

## Budaya Berintegriti

Dalam konteks penyampaian perkhidmatan geologi dan integriti profesional, ahli geologi berdaftar dan firma perunding geologi sentiasa diingatkan untuk mematuhi keperluan yang digariskan dalam *Code of Professional Conduct*. Di BoG, Anggota Lembaga telah diwajibkan untuk menandatangani akuan sumpah jawatan sebagai aku janji ketelusan dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan serta mempertahankan reputasi baik Lembaga. Lembaga juga telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi 2023-2027 untuk dilaksanakan bermula tahun 2023. Matlamat Pelan Antirasuah Lembaga adalah bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan - NACP*) untuk mencapai aspirasi supaya “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

Bidang keutamaan yang telah dikenalpasti adalah:

- i. Pendaftaran ahli geologi dan firma perunding geologi;
- ii. Kawalselia dan penguatkuasaan; dan
- iii. Pengurusan kewangan dan perolehan.

## Kualiti Perkhidmatan

Sebagai sebuah badan yang mengawalselia profesion geologi, BoG sentiasa menggalakkan ahli geologi supaya secara berterusan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti. Sehubungan dengan ini, BoG telah melantik Institut Geologi Malaysia (IGM) bagi menyediakan kursus pembangunan

profesional berterusan (CPD) yang sesuai untuk ahli geologi. Dalam masa yang sama, BoG juga mengalu-alukan pihak-pihak yang berminat untuk membekalkan kursus CPD bagi pembelajaran berterusan. BoG telah membuat keputusan mewajibkan pengumpulan mata CPD bagi pembaharuan pendaftaran bermula tahun 2023. Untuk persediaan ke arah itu, BoG telah mendapatkan pandangan dan input daripada pelbagai sektor bagi memuktamadkan dan pengharmonian kriteria mata kredit CPD.

### Pelan Strategik Organisasi

Bagi meningkatkan profesion geologi dan perkhidmatan ahli geologi, Lembaga telah mengorak langkah untuk membangunkan Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia 2023-2040. Sehubungan dengan itu, satu Pasukan Petugas Pelan Strategik telah ditubuhkan yang terdiri daripada 12 orang ahli geologi dan penyelidik Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI), UKM. Pelan strategik ini akan menjadi dokumen rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat organisasi untuk tempoh masa mendatang. Visi, Misi dan Objektif BoG telah dijadikan penanda aras dalam merencana hala tuju Lembaga. Melalui pelan strategik yang digubal, di harapkan perancangan kerja akan menjadi lebih fokus, terancang dan bersistem, demi untuk memperkuuhkan sistem penyampaian perkhidmatan geologi dan pembangunan profesion supaya memberi faedah kepada negara.

### Promosi

Selaras dengan usaha untuk memperkenalkan BoG kepada pihak-pihak yang berkepentingan, BoG telah mengadakan aktiviti promosi di Putrajaya dan di Kota Kinabalu, Sabah. Program tersebut telah dihadiri oleh ahli geologi serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta. Hasil daripada penerangan yang diberikan dan perbincangan yang diadakan, ianya telah meningkatkan kefahaman peserta tentang

fungsi BoG serta sumbangan profesion geologi dalam pembangunan negara.

### Kebangkitan Semula Ekoran Daripada Wabak Covid-19

Wabak Covid-19 yang melanda dunia pada tahun 2020-2021 telah banyak mengajar kita untuk beralih kepada norma baharu dalam urusan harian. Sistem kesihatan, keselamatan, perniagaan, ekonomi dan sosial telah beralih ke norma baharu dan seluruh dunia terpaksa menyesuaikan keadaan dengan perubahan yang ketara. Operasi perniagaan dan perkhidmatan telah bertindak pantas untuk menyesuaikan diri dengan perubahan supaya ekonomi dapat dipulihkan segera. Justeru, BoG dengan kerjasama Persatuan Perunding dan Perkhidmatan Geosains Malaysia (MyGeo), telah mengadakan sesi *Brainstorming on Way Forward for Geoscience Industry* bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya. Program ini diadakan bagi melaksanakan saranan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) supaya disediakan Kertas Hala Tuju Industri Geosains Negara. Perkara yang menjadi fokus dalam penyediaan kertas hala tuju ini adalah untuk pelaksanaan projek geosains dengan impak serta-merta, perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk industri geosains, menyumbang idea bagaimana industri boleh membantu kerajaan merangsang industri geosains dan ekonomi negara secara menyeluruh serta meningkatkan kerjasama kepakaran antara sektor awam-swasta-akademik.

### Pendaftaran

Ahli Geologi yang berdaftar bagi tahun 2022 adalah seramai 1,676 orang, berkurangan sebanyak 45 orang berbanding dengan tahun 2021 (1,721 orang). Mereka terdiri daripada Ahli Geologi Siswazah (510 orang), Ahli Geologi Profesional (1,055 orang), Ahli Geologi Asing (106 orang) dan Pengamal Berdaftar (5 orang). Saya menyeru lebih ramai ahli geologi berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi Malaysia

agar komuniti geologi dapat dimajukan dengan lebih berkesan dan berdaya saing. Tahun 2022 juga merekodkan pendaftaran firma perunding geologi sebanyak 26 firma, yang terdiri daripada Firma Perseorangan (9 firma), Firma Perkongsian (1 firma) dan Firma Korporat (16 firma).

### **Pendapatan dan Perbelanjaan**

Pada tahun 2022, peruntukan kerajaan yang diterima adalah sebanyak RM260,000 berbanding dengan kelulusan asal sebanyak RM300,000. Selain pendapatan daripada kerajaan, pendapatan dalaman hasil daripada fi pendaftaran dan pendapatan lain adalah berjumlah RM379,580. Ini menjadikan jumlah pendapatan BoG pada tahun 2022 adalah sebanyak RM639,580.

Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2022 adalah RM634,312 iaitu peningkatan sebanyak RM137,525 berbanding tahun 2021 (RM496,787). Peningkatan ini, sebahagian besarnya adalah yang berkaitan dengan upah kakitangan tambahan yang dilantik tahun 2022, perkhidmatan ikhtisas yang dibeli, penyelenggaraan peralatan pejabat dan urusan mesyuarat Anggota Lembaga. Lebihan pendapatan terkumpul di akhir tahun kewangan pada 31 Disember 2022, adalah sebanyak RM2,800,907. Lembaga masih mengekalkan prestasi kewangan sebagaimana tahun 2021 yang merekodkan lebihan pendapatan terkumpul sebanyak RM2,795,639.

Akhir kata, selaku Pengerusi BoG, sukacita saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YBrs. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YBrs. Setiausaha Bahagian (Bahagian Mineral dan Geosains) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Audit Negara, Anggota-Anggota Lembaga, Ahli-Ahli Jawatankuasa, kakitangan Lembaga dan rakan-rakan strategik yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Ahli Geologi Malaysia. Sumbangan dan komitmen yang diberikan amat dihargai danidoakan agar sentiasa diberi kesihatan yang baik serta memperolehi kejayaan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



**DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD, P.Geol.**

Pengerusi

Lembaga Ahli Geologi Malaysia



# MAKLUMAT KORPORAT

## Nama Pertubuhan Perbadanan

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA  
(Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689])

## Pejabat Berdaftar

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA  
Aras 8, Menara PjH,  
No.2 Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA  
No. Telefon: 03-88618436  
No. Faksimili: 03-88618437  
Email: info@bog.gov.my  
Laman web: www.bog.gov.my

## Juruaudit

KETUA AUDIT NEGARA  
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan,  
Aras 3, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62518 PUTRAJAYA

## Akauntan Luar

Puan Norhidayah Binti Awang  
Pengamal Perakaunan Bebas (CA 4094)

## Bank Utama

MAYBANK ISLAMIC BERHAD  
Ground & Mezzanine Floor,  
Bangunan UTMSpace 195A,  
Jalan Tun Razak,  
50400 KUALA LUMPUR

# LATAR BELAKANG



Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) ditubuhkan pada tahun 2015 di bawah Seksyen 3, Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]. Akta ini telah mendapat perkenan Diraja pada 22 Ogos 2008, dan diwartakan pada 27 Ogos 2008. Akta ini telah mula beroperasi secara rasmi setelah Menteri berkenaan menetapkan 28 November 2014 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.

Akta ini memberikan kuasa secara sah kepada Lembaga ke atas pendaftaran ahli geologi, pengawalseliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Fungsi lain Lembaga adalah membuat syor kepada kerajaan atau pihak

berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun atau kepada mana-mana institut atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesi geologi. Lembaga Ahli Geologi Malaysia ialah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Lembaga mula beroperasi secara rasmi pada 15 Februari 2015, bertempat di Lantai 19, Bangunan Tabung Haji, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Setelah hampir 3 tahun di sana, bermula pada 1 Januari 2018, Lembaga telah berpindah ke premis sekarang di Aras 8, Menara PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, Putrajaya.

# PERNYATAAN VISI DAN MISI



## VISI

Untuk menjadi agensi pengawal selia yang unggul di rantau ini demi keselamatan awam dan alam sekitar melalui perkhidmatan geologi yang cekap, beretika dan profesional.

## MISI

Untuk memastikan keselamatan awam dan harta benda awam dilindungi dengan meningkatkan tahap piawai kompetensi dan integriti melalui pengawalseliaan perlakuan dan etika profesi geologi.

# PERNYATAAN TADBIR URUS

## Anggota Lembaga

Seksyen 6 Akta menetapkan bahawa Anggota Lembaga hendaklah merupakan warganegara Malaysia dan hendaklah dilantik oleh Menteri. Anggota Lembaga terdiri daripada:

- a. seorang (1) Pengurus yang hendaklah merupakan ahli geologi profesional berdaftar;
- b. seorang (1) wakil Institut;
- c. lima orang (5) anggota yang hendaklah merupakan ahli geologi profesional berdaftar dalam perkhidmatan awam atau dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun;
- d. lima orang (5) anggota yang hendaklah merupakan ahli geologi profesional berdaftar yang menjalankan amalan persendirian atau dalam penggajian sepenuh masa mana-mana orang atau kumpulan orang selain perkhidmatan awam atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun; dan
- e. dua orang (2) yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pemajuan profesi.

Orang yang berikut tidak layak untuk dilantik menganggotai Lembaga:

- a. seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- b. seseorang yang bankrap; dan
- c. seseorang yang telah disabitkan dengan suatu kesalahan oleh mahkamah dan dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit.

## Tatacara Lembaga

Lembaga menjalankan urusannya sebagaimana Tatacara Lembaga yang dijelaskan dalam Jadual Pertama Akta Ahli Geologi 2008.

## Rancangan Memperkemas Tadbir Urus Lembaga

Untuk bergerak maju ke hadapan, Lembaga akan berusaha memperkemaskan tadbir urus dengan beberapa cadangan seperti berikut:


- a. Memperkemas pembentukan organisasi;
- b. Menambahbaik SOP, Garis Panduan, dan Borang-Borang yang berkenaan;
- c. Menyediakan Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia 2023-2040;
- d. Penambahbaikan Akta dan penyediaan Peraturan-Peraturan berkaitan;
- e. Penambahbaikan pangkalan data Board of Geologists Malaysia Information System (BoGMIS);
- f. Pemakaian sistem kewangan yang kompeten dengan SAGA; dan
- g. Menyediakan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP).




# FUNGSI LEMBAGA

Fungsi Lembaga dinyatakan dengan jelas dalam Seksyen 4, Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689] iaitu:

- a. melaksanakan tugas dan fungsi dan menjalankan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta;
- b. dengan kelulusan Menteri, menentukan skala fi yang akan dikenakan oleh ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar bagi perkhidmatan geologi yang diberikan;
- c. menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesional profesion geologi;
- d. mendengar dan menentukan pertikaian yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar, atau menubuahkan suatu jawatankuasa atau melantik seorang penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian itu;
- e. mewakili profesion geologi dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian;
- f. memeriksa dan, jika difikirkan perlu, membuat laporan tentang apa-apa perkara tempatan yang dikemukakan kepadanya dan membuat syor kepada kerajaan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun atau kepada mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- g. menimbalangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubungan dengan survei geologi;
- h. menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion geologi;
- i. melantik orang untuk mewakili profesion geologi dalam mana-mana badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- j. membuat syor berhubung dengan apa-apa peperiksaan supaya layak diterima masuk ke dalam profesion geologi;
- k. mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional bagi ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pembangunan terkini yang berhubungan dengan profesion geologi;
- l. memberikan biasiswa dan kemudahan lain bagi menggalakkan pembelajaran dan pendidikan yang berkaitan dengan geologi; dan
- m. melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.



# CARTA ORGANISASI



# KEANGGOTAAN LEMBAGA TAHUN 2022

Berdasarkan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 6, Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689], Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah membuat pelantikan Anggota Lembaga bagi penggal ke-3. Tempoh penggal ke-3 Lembaga

bermula pada 1 Disember 2020 sehingga 30 November 2023. Anggota-anggota Lembaga yang berkhidmat dalam tahun 2022 adalah seperti berikut:

**YBrs. Encik Zamri Bin Ramli, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBrs. Encik Abdullah Bin Sulaiman, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBhg. Dato' Zakaria Bin Mohamad, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBrs. Encik Amiruddin Bin Mansor, P.Geol.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBhg. Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBhg. Prof. Madya Dr. Rodeano Bin Roslee, P.Geol., M.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBhg. Prof. Madya Dr. Haryati Binti Awang, P.Geol., M.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBrs. Dr. John Kuna Raj, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBrs. Dr. Richard Mani Ak Banda, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBrs. Encik Abd. Rasid Bin Jaapar, P.Geol., F.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBhg. Prof. Dato Dr. Mohd Mokhtar Bin Saidin, P.Geol., M.I.G.M.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2020)



**YBrs. Tuan Haji Che Ghani Bin Che Ambak, P.Geol.**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 22 Februari 2022)



# PENGURUSAN LEMBAGA

Pada tahun 2022, Lembaga masih belum mempunyai struktur organisasi yang mantap, khususnya berkaitan sumber tenaga kerja yang mencukupi bagi melaksanakan tugas-tugas pendaftaran, pentadbiran, kewangan dan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Lembaga. Buat masa ini, urusan operasi

pejabat Lembaga ini diketuai oleh seorang Pendaftar dan dibantu oleh lima (5) orang eksekutif yang masing-masing mengurus hal-hal pentadbiran, kewangan, pendaftaran, pembangunan profesional berterusan (CPD), dan penguatkuasaan serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.



Bagi memastikan tadbir urus Lembaga berjalan dengan teratur, cekap dan berkesan, Lembaga telah menyediakan lapan (8) prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan (GP), iaitu:

1. SOP 01 Prosedur Operasi Standard Pendaftaran Sebagai Ahli Geologi
2. SOP 02 Prosedur Operasi Standard Perlantikan Jawatankuasa
3. SOP 03 Prosedur Operasi Standard Pengendalian Peperiksaan Penilaian Profesional
4. GP 04 Garis Panduan Pembangunan Profesional Berterusan Bagi Ahli Geologi Berdaftar
5. SOP 05 Prosedur Operasi Standard Pengurusan Kewangan
6. SOP 06 Prosedur Operasi Standard Aduan Terhadap Ahli Geologi Berdaftar
7. SOP 07 Prosedur Tugasan Pengurus Lembaga Ahli Geologi Malaysia
8. SOP 08 Prosedur Operasi Standard Penggantungan Atau Pembatalan Pendaftaran

# MESYUARAT LEMBAGA

| BIL. MESYUARAT                        | TARIKH            | MASA       | TEMPAT                          |
|---------------------------------------|-------------------|------------|---------------------------------|
| Mesyuarat LAGM Ke-31<br>(Bil. 1/2022) | 24 Mac 2022       | 10.00 pagi | Secara Hibrid                   |
| Mesyuarat LAGM Ke-32<br>(Bil. 2/2022) | 23 Jun 2022       | 10.00 pagi | Hotel Palm Garden,<br>Putrajaya |
| Mesyuarat LAGM Ke-33<br>(Bil. 3/2022) | 22 September 2022 | 9.30 pagi  | Hotel Zenith, Putrajaya         |
| Mesyuarat LAGM Ke-34<br>(Bil. 4/2022) | 08 Disember 2022  | 9.30 pagi  | Hotel Palm Garden,<br>Putrajaya |

## Butiran Kehadiran Mesyuarat Lembaga

| BIL. | NAMA                                    | JAWATAN   | KEHADIRAN |
|------|---|-----------|-----------|
| 1.   | Dato' Zakaria Bin Mohamad               | Pengerusi | 4/4       |
| 2.   | Encik Abd. Rasid Bin Jaapar             | Ahli      | 3/4       |
| 3.   | Encik Zamri Bin Ramli                   | Ahli      | 2/4       |
| 4.   | Encik Abdullah Bin Sulaiman             | Ahli      | 4/4       |
| 5.   | Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira        | Ahli      | 4/4       |
| 6.   | Prof. Madya Dr. Rodeano Bin Roslee      | Ahli      | 3/4       |
| 7.   | Prof. Madya Dr. Haryati Binti Awang     | Ahli      | 3/4       |
| 8.   | Encik Amiruddin Bin Mansor              | Ahli      | 2/4       |
| 9.   | Dr. John Kuna Raj                       | Ahli      | 3/4       |
| 10.  | Encik Abd. Hanan Bin Ahmad Nadzeri      | Ahli      | 4/4       |
| 11.  | Dr. Richard Mani Ak Banda               | Ahli      | 4/4       |
| 12.  | Encik Teoh Lay Hock                     | Ahli      | 4/4       |
| 13.  | Prof. Dato' Dr. Mohd Mokhtar Bin Saidin | Ahli      | 3/4       |
| 14.  | Tuan Haji Che Ghani Bin Che Ambak       | Ahli      | 3/4       |

# JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu pelaksanaan fungsi dan peranan Lembaga seperti mana yang diperuntukkan dalam Seksyen 14 Akta Ahli Geologi 2008, Lembaga telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa seperti berikut:

## i. Jawatankuasa Hal-Ehwal Korporat dan Kewangan (JHKK)

- Pengerusi: En. Teoh Lay Hock, P.Geol.  
Ahli: En. Mohd. Badzran Bin Mat Taib, P.Geol.  
En. Low Keng Lok, P.Geol.  
En. Lutfi Hamidee Bin Abd Latiff, P.Geol.  
En. Noorazhar Bin Ngatimin, P.Geol.  
Prof. Madya Dr. Ng Tham Fatt, P.Geol.

## ii. Jawatankuasa Perundangan, Etika, Disiplin dan Penguatkuasaan (JPEDP)

- Pengerusi: En. Abdullah Bin Sulaiman, P.Geol.  
Ahli: En. Amiruddin Bin Mansor, P.Geol.  
En. Nizarulikram Bin Abdul Rahim, P.Geol.  
Prof. Dr. Wan Izzatul Binti Taalat  
Dr. Mazlan Bin Madon, P.Geol.  
En. Yip Foo Weng, P.Geol.  
En. Syed Bin Omar, P.Geol.

## iii. Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP)

- Pengerusi: En. Zamri Bin Ramlie, P.Geol.  
Ahli: Prof. Dr. Joy Jacquelline Pereira, P.Geol.  
En. Amiruddin Bin Mansor, P.Geol.  
Datuk Mior Sallehhuddin Bin Mior Jadid, P.Geol.  
Dr. Lim Choun Sian, P.Geol.  
Pn. Ummi Daiemah Binti Hussin, P.Geol.  
En. Ahmad Nizam Bin Hasan, P.Geol.  
En. Askury Bin Abd Kadir, P.Geol.

## iv. Jawatankuasa Audit

- Pengerusi: Prof. Dato' Dr. Mohd. Mokhtar Bin Saidin, P.Geol.  
Ahli: En. Abdullah Bin Sulaiman, P.Geol.  
En. Noorazhar Bin Ngatimin, P.Geol.

#### v. Jawatankuasa Promosi

Pengerusi: En. Abd Rasid Bin Jaapar, P.Geol.  
 Ahli: Prof. Madya Dr. Rodeano Bin Roslee, P.Geol.  
 Dato' Amran Bin Mohamad, P.Geol.  
 Dr. Dana Anak Badang, P.Geol.  
 Dr. Mohd Hariri Bin Arifin, P.Geol.  
 En. Askury Bin Abd Kadir, P.Geol.

#### vi. Jawatankuasa Akreditasi

Pengerusi: Dr. John Kuna Raj, P.Geol.  
 Ahli: Prof. Madya Dr. Haryati Binti Awang, P.Geol.  
 Prof. Madya Dr. Rodeano Bin Roslee, P.Geol.

#### vii. Jawatankuasa Skala Fi

Pengerusi: En. Abd. Hanan Bin Ahmad Nadzeri, P.Geol.  
 Ahli: Dr. Richard Mani AK Banda, P.Geol.  
 En. Abd. Rasid Bin Jaapar, P.Geol.  
 En. Seet Chin Peng, P.Geol.  
 En. Abdul Rahim Bin Harun, P.Geol.  
 En. Mohamad Shaufi Bin Sokiman, P.Geol.  
 En. Devendran A/L Arumugam, P.Geol.

### MESYUARAT JAWATANKUASA

#### i. Jawatankuasa Hal-Ehwal Korporat dan Kewangan (JHKK)

| BIL. MESYUARAT | TARIKH          | MASA        | TEMPAT      |
|----------------|-----------------|-------------|-------------|
| Bil. 1/2022    | 27 Januari 2022 | 2.30 petang | Atas talian |
| Bil. 2/2022    | 13 Jun 2022     | 2.30 petang | Atas talian |
| Bil. 3/2022    | 15 Ogos 2022    | 9.30 pagi   | Atas talian |
| Bil. 4/2022    | 27 Oktober 2022 | 2.30 petang | Atas talian |

#### ii. Jawatankuasa Perundangan, Etika, Disiplin dan Penguatkuasaan (JPEDP)

| BIL. MESYUARAT | TARIKH            | MASA        | TEMPAT                  |
|----------------|-------------------|-------------|-------------------------|
| Bil. 1/2022    | 16 Jun 2022       | 9.30 pagi   | Atas talian             |
| Bil. 2/2022    | 14 September 2022 | 10.00 pagi  | Bilik Mesyuarat Lembaga |
| Bil. 3/2022    | 01 Disember 2022  | 2.30 petang | Atas talian             |

### iii. Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP)

| BIL. MESUARAT                               | TARIKH            | MASA        | TEMPAT        |
|---|-------------------|-------------|---------------|
| Bil. 1/2022                                 | 23 Februari 2022  | 10.00 pagi  | Secara Hibrid |
| Bil. 2/2022                                 | 15 September 2022 | 10.00 pagi  | Secara Hibrid |
| Bil. 3/2022                                 | 30 November 2022  | 10.30 pagi  | Secara Hibrid |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 1/2022  | 14 Januari 2022   | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 2/2022  | 28 Februari 2022  | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 3/2022  | 15 Mac 2022       | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 4/2022  | 30 Mac 2022       | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 5/2022  | 17 Mei 2022       | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 6/2022  | 15 Jun 2022       | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 7/2022  | 4 Julai 2022      | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 8/2022  | 1 Ogos 2022       | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 9/2022  | 30 Ogos 2022      | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 10/2022 | 14 Oktober 2022   | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 11/2022 | 31 Oktober 2022   | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 12/2022 | 15 November 2022  | 5.00 petang | Atas talian   |
| Mesyuarat JPPP<br>Pembekal CPD Bil. 13/2022 | 15 Disember 2022  | 5.00 petang | Atas talian   |

### iv. Jawatankuasa Audit

| BIL. MESUARAT | TARIKH            | MASA        | TEMPAT      |
|---------------|-------------------|-------------|-------------|
| Bil. 1/2022   | 13 September 2022 | 3.30 petang | Atas talian |

**v. Jawatankuasa Promosi**

| BIL. MESUARAT | TARIKH      | MASA       | TEMPAT      |
|---------------|-------------|------------|-------------|
| Bil. 1/2022   | 16 Mac 2022 | 9.00 malam | Atas talian |

**vi. Jawatankuasa Akreditasi**

| BIL. MESUARAT | TARIKH            | MASA        | TEMPAT      |
|---------------|-------------------|-------------|-------------|
| Bil. 1/2022   | 16 Mac 2022       | 2.30 petang | Atas talian |
| Bil. 2/2022   | 19 September 2022 | 2.30 petang | Atas talian |

**vii. Jawatankuasa Skala Fi**

| BIL. MESUARAT | TARIKH            | MASA        | TEMPAT      |
|---------------|-------------------|-------------|-------------|
| Bil. 1/2022   | 14 Mac 2022       | 2:30 petang | Atas talian |
| Bil. 2/2022   | 20 Jun 2022       | 3.00 petang | Atas talian |
| Bil. 3/2022   | 13 September 2022 | 2.30 petang | Atas talian |
| Bil. 4/2022   | 29 November 2022  | 2.30 petang | Atas talian |

**MESUARAT-MESUARAT LAIN YANG BERKAITAN**

**i. Mesyuarat Pengurusan Lembaga**

| BIL. MESUARAT | TARIKH            | MASA        | TEMPAT                  |
|---------------|-------------------|-------------|-------------------------|
| Bil. 1/2022   | 27 Januari 2022   | 10.30 pagi  | Bilik Mesyuarat Lembaga |
| Bil. 2/2022   | 3 Jun 2022        | 10.30 pagi  | Bilik Mesyuarat Lembaga |
| Bil. 3/2022   | 12 Ogos 2022      | 3.00 petang | Bilik Mesyuarat Jasper  |
| Bil. 4/2022   | 20 September 2022 | 2.30 petang | Bilik Mesyuarat Lembaga |

**ii. Mesyuarat Penyelarasan Lembaga**

| BIL. MESUARAT | TARIKH            | MASA       | TEMPAT      |
|---------------|-------------------|------------|-------------|
| Bil. 1/2022   | 17 Mac 2022       | 11.00 pagi | Atas talian |
| Bil. 2/2022   | 20 Jun 2022       | 10.00 pagi | Atas talian |
| Bil. 3/2022   | 20 September 2022 | 11.00 pagi | Atas talian |
| Bil. 4/2022   | 2 Disember 2022   | 11.00 pagi | Atas talian |

# LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER PEMBIAYAAN KERAJAAN

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan tahunan sebanyak RM300,000 kepada Lembaga Ahli Geologi Malaysia melalui Dasar Baru pada tahun 2014 dan bermula tahun 2015 peruntukan ini menjadi Dasar Sedia Ada. Pemberian peruntukan ini adalah melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang disalurkan kepada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) sebelum diserahkan kepada Lembaga Ahli Geologi Malaysia. Sehingga kini, tiada peruntukan

pembangunan diterima oleh Lembaga. Peruntukan mengurus yang diberikan diguna sepenuhnya untuk tujuan operasi Lembaga. Walaupun sepatutnya Lembaga menerima peruntukan daripada kerajaan sebanyak RM300,000 setahun, tetapi sejak beberapa tahun ini penerimaan sebenar adalah berbeza dan tidak konsisten. Peruntukan kewangan kerajaan yang diterima dan perbelanjaan sumber bagi tahun-tahun sejak penubuhan Lembaga ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Pemberian dan Perbelanjaan Peruntukan Kerajaan dari Tahun 2014 hingga 2022**

| Tahun | Peruntukan Kerajaan Mengurus (RM) | Perbelanjaan (RM) | Lebih/(Kurang) (RM) |
|-------|-----------------------------------|-------------------|---------------------|
| 2014  | 300,000                           | (Tiada)           | 300,000             |
| 2015  | 300,000                           | 213,993           | 86,007              |
| 2016  | 300,000                           | 350,198           | (50,198)            |
| 2017  | 256,445                           | 396,797           | (140,352)           |
| 2018  | 297,850                           | 464,474           | (166,624)           |
| 2019  | 299,184                           | 549,538           | (250,354)           |
| 2020  | 265,000                           | 472,299           | (207,299)           |
| 2021  | 150,000                           | 496,787           | (346,787)           |
| 2022  | 260,000                           | 634,312           | (374,312)           |

Pada tahun 2022 Lembaga telah menerima peruntukan kerajaan sejumlah RM260,000 berbanding dengan kelulusan asal sebanyak RM300,000. Oleh itu banyak aktiviti yang dicadangkan terpaksa dikurangkan atau dibatalkan akibat kekangan kewangan. Ini termasuklah penambahan sumber tenaga manusia, perolehan peralatan teknologi

maklumat, pembangunan pangkalan data, pelaksanaan peperiksaan penilaian profesional, pengukuhan organisasi dan sebagainya.

Bagi menampung kekurangan peruntukan kerajaan, Lembaga telah menggunakan sumber dalaman iaitu hasil daripada pendapatan yang diperoleh daripada bayaran fi dan bayaran

lain serta simpanan terkumpul. Jadual 2 di bawah menunjukkan sumber pendapatan dalaman meliputi fi dan pendapatan lain yang

digunakan untuk menampung keperluan perbelanjaan Lembaga yang tidak mencukupi.

#### **Jadual 2: Fi dan Pendapatan Lain Bagi Menampung Kekurangan Peruntukan Kerajaan**

| Tahun | Peruntukan Kerajaan Mengurus (RM) | Fi dan Pendapatan Lain (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki (RM) |
|-------|-----------------------------------|-----------------------------|-------------------|-----------|
| 2014  | 300,000                           | -                           | -                 | 300,000   |
| 2015  | 300,000                           | 102,174                     | 213,993           | 188,181   |
| 2016  | 300,000                           | 725,700                     | 350,198           | 675,502   |
| 2017  | 265,445                           | 549,650                     | 396,797           | 409,298   |
| 2018  | 297,850                           | 651,903                     | 464,474           | 485,279   |
| 2019  | 299,184                           | 559,500                     | 549,538           | 309,146   |
| 2020  | 265,000                           | 571,858                     | 472,299           | 364,559   |
| 2021  | 150,000                           | 410,461                     | 496,787           | 63,674    |
| 2022  | 260,000                           | 379,580                     | 634,312           | 5,268     |



# LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Dalam melaksanakan fungsi-fungsinya pada tahun 2022, Lembaga bergantung kepada punca kewangan melalui sumber-sumber berikut:

- i. Peruntukan mengurus kerajaan;
- ii. Fi pendaftaran; dan
- iii. Pendapatan lain.

## Tatacara Perakaunan

Tatacara perakaunan Penyata Kewangan Tahunan Lembaga adalah disedia dan diaudit mengikut peraturan sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 18, Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]. Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, Lembaga Ahli Geologi Malaysia juga tertakluk kepada

Akta 240, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980. Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022, keseluruhan akaun Lembaga telah disediakan oleh Pengamal Perakaunan Bebas (Puan Norhidayah Binti Awang, CA 40941).

## Laporan Kewangan

Laporan penuh Penyata Kewangan Lembaga bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022 yang telah diaudit adalah seperti di LAMPIRAN 1. Jadual 3 di bawah adalah ringkasan penyata

kewangan bagi tahun 2022. Jadual ini juga menunjukkan perbandingan kedudukan kewangan Lembaga dengan tahun sebelumnya

## Jadual 3: Ringkasan Penyata Kewangan 2022

| Butiran   | 2022<br>(RM) | 2021<br>(RM) |
|---|--------------|--------------|
| Baki Mula (Pada 1 Januari)                      | 2,795,639    | 2,731,965    |
| Pendapatan (Peruntukan Kerajaan)                | 260,000      | 150,000      |
| Pendapatan (Fi Pendaftaran dan Pendapatan Lain) | 379,580      | 410,461      |
| Jumlah Pendapatan                               | 639,580      | 560,461      |
| Jumlah Pendapatan Terkumpul                     | 3,435,219    | 3,292,426    |
| Jumlah Perbelanjaan                             | 634,312      | 496,787      |
| Lebihan Pendapatan Bagi Tahun Kewangan          | 5,268        | 63,674       |
| Lebihan Pendapatan Terkumpul Pada 31 Disember   | 2,800,907    | 2,795,639    |

## Carta 1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018 hingga 2022



### Laporan Audit

Pengauditan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara. Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia telah disediakan oleh Pengamal Perakaunan Bebas (Puan Norhidayah Binti Awang, CA 40941). Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022 ini merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet serta nota-nota berkaitan telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Penyata yang telah diaudit dan disahkan oleh Jabatan Audit

Negara melalui Sijil Audit yang dikeluarkan pada 11 September 2023 seperti di dalam Penyata Kewangan yang terkandung dalam laporan tahunan ini. Merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara dinyatakan bahawa Jabatan Audit Negara berpendapat penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia berakhir pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689].

# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2022

Aktiviti utama Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) ialah pendaftaran ahli geologi bagi memenuhi keperluan Akta Ahli Geologi 2008. Selain daripada urusan tersebut, beberapa aktiviti lain mula dilaksanakan bagi tujuan memantapkan fungsi Lembaga seperti program pembangunan profesional berterusan (CPD), pendaftaran

firma perunding geologi, penyediaan skala fi, penggubalan Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia 2023-2040, hal-hal berkaitan promosi, dan memperkemas urusan pentadbiran dan kewangan pejabat Lembaga. Berikut adalah pelaporan ringkas aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

## i. Pendaftaran Ahli Geologi

Bilangan permohonan baharu pendaftaran ahli geologi yang diproses untuk pendaftaran tahun 2022 adalah sebanyak 196 permohonan berbanding 195 permohonan baharu pada tahun 2021. Jadual 4 menunjukkan perbandingan bilangan permohonan baharu bagi tahun 2021 dan tahun 2022 mengikut kategori.

**Jadual 4: Bilangan Permohonan Baharu Mengikut Kategori**

| Kategori                           | Bilangan Permohonan |            |
|------------------------------------|---------------------|------------|
|                                    | Tahun 2021          | Tahun 2022 |
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 130                 | 126        |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 38                  | 49         |
| Pengamal Berdaftar                 | -                   | -          |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 27                  | 21         |
| <b>Jumlah Permohonan Baharu</b>    | <b>195</b>          | <b>196</b> |

Jumlah fi pemprosesan permohonan baharu pelbagai kategori yang telah diterima untuk tahun 2022 adalah sebanyak RM9,800. Pecahan

terimaan fi pemprosesan permohonan baharu mengikut kategori ditunjukkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5: Jumlah Terimaan Fi Pemprosesan Permohonan Baharu Mengikut Kategori Bagi Tahun 2022**

| Kategori                              | Fi Pemprosesan (RM) |
|---------------------------------------|---------------------|
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar       | 6,300               |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar    | 2,450               |
| Pengamal Berdaftar                    | -                   |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar          | 1,050               |
| <b>Jumlah Terimaan Fi Pemprosesan</b> | <b>9,800</b>        |

Pada tahun 2022, sebanyak 196 permohonan pendaftaran telah diterima, dimana sebanyak 186 permohonan telah dibawa ke Mesyuarat Lembaga untuk pertimbangan kelulusan manakala baki 10 permohonan lagi akan dibawa ke tahun 2023. Setelah pertimbangan

dibuat, Lembaga Ahli Geologi Malaysia telah meluluskan sebanyak 175 permohonan. Jadual 6 menunjukkan pecahan bilangan permohonan mengikut kategori yang telah mendapat kelulusan dari Lembaga Ahli Geologi Malaysia untuk didaftarkan pada tahun 2022.

#### **Jadual 6: Bilangan Permohonan Baharu yang Diluluskan Pendaftaran Tahun 2022**

| <b>Kategori</b>                    | <b>Bilangan Yang Diluluskan</b> |
|------------------------------------|---------------------------------|
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 107                             |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 49                              |
| Pengamal Berdaftar                 | -                               |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 19                              |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>175</b>                      |

Sijil perakuan pendaftaran hanya dikeluarkan setelah pemohon membayar fi pendaftaran kepada Lembaga Ahli Geologi Malaysia. Daripada 175 jumlah permohonan yang diluluskan tersebut, hanya 143 pemohon telah membayar fi pendaftaran. Disamping itu, terdapat 26 pemohon yang telah diluluskan pada tahun 2021, tetapi menjelaskan bayaran

fi pendaftaran pada tahun 2022. Keadaan ini menjadikan jumlah keseluruhan yang membuat pembayaran untuk perakuan pendaftaran pada tahun 2022 sebanyak 169. Jadual 7 menunjukkan jumlah bilangan sijil perakuan pendaftaran baharu yang dikeluarkan pada tahun 2022.

#### **Jadual 7: Bilangan Perakuan Pendaftaran Baharu yang Dikeluarkan Tahun 2022**

| <b>Kategori</b>                    | <b>Bilangan Permohonan Baharu yang Diluluskan Tahun 2022</b> | <b>Bilangan Perakuan Pendaftaran Dikeluarkan bagi Permohonan yang Diluluskan Tahun 2022</b> | <b>Bilangan Perakuan Pendaftaran Dikeluarkan bagi Permohonan yang Diluluskan Tahun 2021</b> | <b>Jumlah Bilangan Perakuan Pendaftaran Baharu Tahun 2022</b> |
|------------------------------------|--|---|---|---|
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 107  | 79  | 20  | 99  |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 49   | 48  | 5   | 53  |
| Pengamal Berdaftar                 | -  | -   | -   | -   |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 19   | 16  | 1   | 17  |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>175</b>   | <b>143</b>  | <b>26</b>   | <b>169</b>  |

Jumlah terimaan fi perakuan pendaftaran bagi permohonan yang telah diluluskan oleh Lembaga dalam tahun 2022 adalah sebanyak RM37,850 berbanding RM38,400 pada

tahun 2021. Pecahan terimaan fi perakuan pendaftaran baharu mengikut kategori pada tahun 2022 adalah seperti dalam Jadual 8:

#### **Jadual 8: Terimaan Fi Perakuan Pendaftaran Baharu Bagi Tahun 2022**

| <b>Kategori</b>                    | <b>Terimaan Fi Pendaftaran Baharu (RM)</b> |
|------------------------------------|--|
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 4,950                                      |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 15,900                                     |
| Pengamal Berdaftar                 | -  |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 17,000                                     |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>37,850</b>                              |

Mengikut subseksyen 30(2) Akta Ahli Geologi 2008, tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah tamat tempohnya pada 31 Disember tahun perakuan pendaftaran itu dikeluarkan dan hendaklah selepas itu dibaharui secara tahunan setelah dibayar fi yang ditetapkan. Pembaharuan perakuan

pendaftaran bagi tahun 2022 adalah sebanyak 1,435 berbanding dengan 1,545 bagi tahun 2021, iaitu berkurangan sebanyak 110. Jadual 9 menunjukkan bilangan perakuan pendaftaran yang diperbaharui mengikut kategori ahli geologi yang berdaftar tahun 2022.

#### **Jadual 9: Bilangan Perakuan Pendaftaran yang Diperbaharui Mengikut Kategori Pada Tahun 2022**

| <b>Kategori</b>                    | <b>Bilangan Perakuan Pendaftaran Yang Diperbaharui</b> |
|------------------------------------|--|
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 379  |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 968  |
| Pengamal Berdaftar                 | 5  |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 83   |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>1,435</b>   |

Jumlah pendapatan bayaran fi perakuan pendaftaran yang dibaharui bagi tahun 2022, adalah sebanyak RM296,550 (Jadual 10).

Jumlah ini menunjukkan penurunan terimaan sebanyak RM39,400 berbanding dengan RM335,950 pada tahun 2021.

**Jadual 10: Terimaan Fi Perakuan Pendaftaran yang Diperbaharui Bagi Tahun 2022**

| <b>Kategori</b>                    | <b>Terimaan Fi Pendaftaran Yang Diperbaharui (RM)</b> |
|------------------------------------|---|
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 18,950  |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 193,600   |
| Pengamal Berdaftar                 | 1,000   |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 83,000  |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>296,550</b>  |

Jumlah pendapatan daripada keseluruhan fi yang diterima meliputi bayaran fi pemprosesan permohonan, fi perakuan pendaftaran baharu, dan fi perakuan diperbaharui, pada tahun 2022 adalah sebanyak RM344,200 (Jadual 11). Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM39,900 (10.4%) berbanding pada tahun

2021 dimana jumlah pendapatan daripada fi adalah sebanyak RM384,100. Keadaan ini berlaku kerana penurunan ahli geologi berdaftar yang memperbaharui pendaftaran mereka ekoran daripada peluang kerja dan kontrak perkhidmatan geologi yang tidak memberangsangkan.

**Jadual 11: Jumlah Pendapatan Daripada Terimaan Fi Pendaftaran Tahun 2022**

| <b>Jenis Fi Pendaftaran</b>        | <b>Jumlah Terimaan Fi (RM)</b> |
|------------------------------------|--------------------------------|
| Fi Pemprosesan Permohonan          | 9,800                          |
| Fi Perakuan Pendaftaran Baharu     | 37,850                         |
| Fi Perakuan Diperbaharui (Renewal) | 296,550                        |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>344,200</b>                 |

Pada keseluruhannya bilangan ahli geologi yang berdaftar pada tahun 2022 adalah seramai 1,604 orang, berkurangan sebanyak 117 orang berbanding dengan tahun 2021 (1,721

Orang). Jadual 12 menunjukkan kedudukan bilangan ahli geologi berdaftar bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021.


**Jadual 12: Jumlah Ahli Geologi Berdaftar Mengikut Kategori Tahun 2022**

| <b>Kategori</b>                    | <b>Jumlah Ahli Geologi Berdaftar</b> |                   |
|------------------------------------|--------------------------------------|-------------------|
|                                    | <b>Tahun 2021</b>                    | <b>Tahun 2022</b> |
| Ahli Geologi Siswazah Berdaftar    | 481                                  | 478               |
| Ahli Geologi Profesional Berdaftar | 1,111                                | 1,021             |
| Pengamal Berdaftar                 | 5                                    | 5                 |
| Ahli Geologi Asing Berdaftar       | 124                                  | 100               |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>1,721</b>                         | <b>1,604</b>      |

Carta 2 menunjukkan trend pendaftaran ahli geologi bagi tahun 2018 hingga 2022. Secara keseluruhannya, ianya menunjukkan trend

penurunan pendaftaran ahli geologi dalam tahun 2020 hingga 2022.

**Carta 2: Pendaftaran Tahunan Ahli Geologi, 2018-2022**



## ii. Pendaftaran Firma Perunding Geologi

Urusan pendaftaran firma perunding geologi dibuat bagi memenuhi keperluan Kementerian Kewangan (MOF) yang mensyaratkan bahawa semua firma perunding geologi yang ingin berdaftar dengan MOF di bawah Kod Bidang 330211 (Perkhidmatan Perunding Fizikal Bukan Kejuruteraan - Geologi) hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi Malaysia sebagai badan ikhtisas geologi. Pada tahun 2022, sebanyak 26 firma telah mendaftar, yang terdiri daripada Firma Perseorangan (9 buah), Firma Perkongsian (1 buah) dan Firma Korporat (16 buah).



**Carta 3: Pendaftaran Firma Perunding Geologi Tahun 2022**



**Ringkasan statistik pendaftaran ahli geologi dan firma perunding geologi bagi tahun 2022**

#### PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI

**169**

Pendaftaran baharu

**1,435**

Pembaharuan pendaftaran

**1,604**

Jumlah

#### PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING GEOLOGI

**12**

Pendaftaran baharu

**14**

Pembaharuan pendaftaran

**26**

Jumlah

### **iii. Urusan Peperiksaan Penilaian Pemohon Ahli Geologi Profesional Berdaftar**

Pada tahun 2022, tujuh (7) sesi peperiksaan penilaian lisan dalam bentuk temuduga telah diadakan, bagi menilai individu-individu yang memohon untuk perakuan sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar (P.Geol.). Temuduga dijalankan oleh panel pemeriksa Lembaga Ahli Geologi Malaysia secara atas talian menggunakan aplikasi Zoom. Seramai 65 pemohon telah hadir sesi temuduga tersebut. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 58 pemohon baharu telah lulus dan telah diperakui oleh Lembaga sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar (P.Geol.). Jadual 13 memaparkan sesi temuduga secara terperinci.

#### **Jadual 13: Sesi Temuduga Bagi Permohonan Pendaftaran Ahli Geologi Profesional**

| <b>Sesi</b> | <b>Tarikh</b>           | <b>Jumlah Calon</b> | <b>Jumlah Calon Diluluskan</b> | <b>Tempat</b> | <b>Kaedah</b> |
|-------------|-------------------------|---------------------|--------------------------------|---------------|---------------|
| 1.          | 8 dan 9 Februari 2022   | 13                  | 11                             | Zoom          | Atas talian   |
| 2.          | 10 dan 11 Februari 2022 | 11                  | 11                             | Zoom          | Atas talian   |
| 3.          | 14 Jun 2022             | 5                   | 4                              | Zoom          | Atas talian   |
| 4.          | 15 Jun 2022             | 7                   | 6                              | Zoom          | Atas talian   |
| 5.          | 27 dan 29 Julai 2022    | 10                  | 8                              | Zoom          | Atas talian   |
| 6.          | 9 dan 10 Ogos 2022      | 12                  | 11                             | Zoom          | Atas talian   |
| 7.          | 24 November 2022        | 7                   | 7                              | Zoom          | Atas talian   |

### **iv. Bengkel Semakan Semula Garis Panduan Pembangunan Profesional Berterusan Bagi Ahli Geologi Berdaftar**

Pada 16 Mac 2022, Lembaga telah mengadakan Bengkel Semakan Semula Garis Panduan Pembangunan Profesional Berterusan Bagi Ahli Geologi Berdaftar (GP 04 Versi 1-2020), bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya. Bengkel ini bertujuan untuk penambahbaikan GP 04 Versi 1-2020 dari segi pembahagian mata kredit CPD terutamanya bagi ahli geologi berdaftar dari bidang minyak dan gas. Bengkel ini dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP) bersama Pengurus Lembaga dan juga seorang wakil dari Petronas iaitu Tuan Zul Faqar Bin Ahmad Ridzwan. Pada akhir bengkel, Garis Panduan Pembangunan Profesional Berterusan Bagi Ahli Geologi Berdaftar, GP 04 Versi 2-2022 telah dimuktamadkan.



## v. Program Promosi Lembaga Ahli Geologi Malaysia di Semenanjung Malaysia

Pada 26 Mei 2022, Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) telah mengadakan program promosi bersama agensi-agensi kerajaan bertempat di Palm Garden Hotel, Putrajaya. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Rosli Bin Isa, Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Seramai 48 peserta telah hadir ke program tersebut yang mewakili pelbagai agensi teknikal kerajaan. Program ini turut dihadiri Setiausaha Bahagian Kanan (Mineral dan Geosains), Setiausaha Bahagian Mineral, Setiausaha Bahagian Geosains dan dua orang pegawai khas KeTSA.

Program tersebut diadakan bertujuan untuk memperkenalkan Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) kepada agensi-agensi teknikal di Malaysia dan menerangkan fungsi-fungsi BoG serta kepentingan Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689] dalam pembangunan multi-sektor industri negara.



## vi. Sesi Brainstorming on Way Forward for Geoscience Industry

Pada 26 Mei 2022, Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) dengan kerjasama Persatuan Perunding dan Perkhidmatan Geosains Malaysia (MyGeo) telah mengadakan sesi "Brainstorming on Way Forward for Geoscience Industry" bertempat di Palm Garden Hotel Putrajaya. Kerjasama ini merupakan susulan daripada Program Promosi Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) bersama agensi-agensi teknikal kerajaan yang telah diadakan pada 26 Mei 2022 iaitu bagi melaksanakan saranan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) supaya disediakan Kertas Hala Tuju Industri Geosains negara. Kertas hala tuju tersebut bertujuan merancakkan program geologi dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara hasil pembangunan industri geologi. Perkara yang menjadi fokus dalam penyediaan kertas hala tuju ini adalah untuk pelaksanaan projek geosains dengan impak serta-merta, perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk industri geosains, menyumbang idea bagaimana industri boleh membantu kerajaan meransang industri geosains dan ekonomi negara secara menyeluruh serta meningkatkan kerjasama antara sektor swasta-kerajaan-akademik.

Seramai 16 orang telah menghadiri sesi tersebut dimana sembilan (9) orang peserta merupakan ahli Persatuan Perunding dan Perkhidmatan Geosains Malaysia (MyGeo) manakala baki tujuh (7) orang peserta ialah Anggota Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG). Sesi tersebut berjalan dengan lancar dan draf kertas hala tuju telah berjaya disediakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.



#### vii. Bengkel Berhubung Penggubalan Peraturan-Peraturan Bagi Pemerkasaan Akta Ahli Geologi 2008

Pada 20 Julai 2022, Lembaga telah menganjurkan Bengkel Berhubung Penggubalan Peraturan-Peraturan Bagi Pemerkasaan Akta Ahli Geologi 2008 bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya. Bengkel ini diadakan bagi memantapkan tugas dan fungsi Lembaga berdasarkan peruntukan Akta, khususnya dalam penguatkuasaan Bahagian IV (Penggantungan, Pembatalan, Pemotongan dan Kemasukan Semula), dan Bahagian V (Kesalahan dan Penalti) seperti yang terkandung dalam Akta. Seramai 12 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga (5 orang) ahli jawatankuasa (3 orang), dan empat (4) orang peserta jemputan.

Para peserta telah didedahkan kepada pelbagai perkara yang perlu diambil perhatian oleh Lembaga Ahli Geologi Malaysia untuk memastikan Lembaga dapat melaksanakan fungsi dalam penguatkuasaan Akta.



### viii. Bengkel Pelaksanaan Peperiksaan Bertulis

Lembaga telah mengadakan bengkel berkaitan pelaksanaan peperiksaan bertulis bagi naik taraf ahli geologi siswazah berdaftar kepada ahli geologi profesional berdaftar (P.Geol.) pada 21 Julai 2022 di Hotel Zenith, Putrajaya. Sesi bengkel ini dihadiri oleh tetamu jemputan iaitu Prof. Emeritus Dr. Mohd Shafee'a Bin Leman dan En. Abd Rasid Bin Jaapar, Presiden Institut Geologi Malaysia (IGM) bersama ahli Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP). Tujuan bengkel ini adalah untuk membincangkan berkenaan modul silibus peperiksaan yang sedia ada dan semakan Prosedur Operasi Standard Pengendalian Peperiksaan Penilaian Profesional (SOP 03 Versi 1-2018). Pada akhir bengkel, modul silibus peperiksaan serta Prosedur Operasi Standard Pengendalian Peperiksaan Penilaian Profesional (SOP 03 Versi 2-2022) telah dimuktamadkan.



### ix. Sesi Libat Urus Bersama Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

Pada 18 Ogos 2022, Lembaga telah mengadakan sesi libat urus bersama Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) serta wakil industri minyak dan gas bertempat di Pejabat Nippon Oil Exploration (M) Ltd., Kuala Lumpur. Sesi ini dihadiri oleh 13 wakil syarikat industri minyak dan gas seperti Sapura OMV Upstream, JX Nippon Oil and Gas Exploration (Malaysia) Ltd., Sarawak Shell Bhd., Sabah Shell Petroleum Co. Ltd. dan lain-lain. Tujuan sesi ini adalah untuk memberi penjelasan lebih lanjut berkenaan dengan pelaksanaan mata kredit CPD yang dikuatkuasakan bagi pembaharuan pendaftaran tahun 2023. Hasil pertemuan dan perbincangan daripada sesi ini telah memberikan kefahaman berkaitan pelaksanaan mata kredit CPD yang akan dikuatkuasakan bermula tahun 2023.



## x. Program Promosi Lembaga Ahli Geologi Malaysia di Sabah

Pada 1 September 2022, Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) dengan kerjasama Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Program Promosi Lembaga Ahli Geologi Malaysia bersama ahli-ahli geologi Sabah. Program ini telah berlangsung di The Palace Hotel, Kota Kinabalu, Sabah.

Lembaga telah diwakili oleh Dato' Zakaria Bin Mohamad, P.Geol. selaku Pengurus Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) bersama dua wakil anggota Lembaga. Manakala Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Rodeano Roslee, P.Geol., Timbalan Dekan, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) yang juga Anggota Lembaga telah hadir merasmikan program mewakili Dekan FSSA.

Program ini bertujuan untuk memberi input kepada ahli geologi di Sabah mengenai kepentingan berdaftar sebagai ahli geologi berdaftar, peranan dan sumbangan ahli geologi kepada negara. Di samping itu, program ini juga merupakan satu medium untuk memperkenalkan Sistem Mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi pembaharuan pendaftaran ahli geologi serta pengajuran Program Geoscience Week Malaysia yang bakal diadakan pada tahun 2023.

Seramai 40 orang ahli geologi dari pelbagai jabatan kerajaan dan sektor swasta di Sabah yang telah hadir bagi membincangkan peranan profesion geologi dan hala tuju Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG).



**xi. BoG – IGM Forum 2022: “The Role of Geosciences in Development Project” Bersama Agensi Kerajaan dan Swasta di Sabah**

Pada 25 Oktober 2022, Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG), Institut Geologi Malaysia (IGM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan BoG – IGM Forum 2022: “The Role of Geosciences in Development Project” bersama agensi kerajaan dan swasta yang bertempat di The Palace Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 83 peserta telah hadir ke program ini. Mereka terdiri daripada ahli akademik, para penyelidik, pegawai-pegawai dari agensi kerajaan, agensi swasta, pihak berkuasa tempatan serta organisasi yang terlibat dalam perancangan dan pengurusan projek pembangunan.

Program ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Frederick Francis Tating, P.Geol. selaku Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Sabah. Program ini bertujuan untuk memberi ruang kepada penyebaran maklumat, perkongsian dan perbincangan peranan ahli geologi di samping menggalakkan aktiviti penyelidikan yang berterusan dan memperlihatkan hala tuju masa depan ahli geologi. Pengajuran forum ini adalah selari dengan keperluan untuk memahami, mengetahui dan menyelidik pelbagai aspek dan dimensi isu-isu terkini dalam penyelidikan dan penemuan baharu berkaitan geologi dan geosains di Malaysia.

Pembentangan dan kertas kerja telah disampaikan oleh Prof. Madya. Ts. Gs. Dr. Rodeano Roslee, P.Geol., Dr. Frederick Francis Tating, P.Geol., Alexander Yan, P.Geol., Bailon Golutin, P.Geol., Gs. Ts. Ir. Jeffery Anak Pirah, Azmi Hussein, P.Geol., Watin Malun, P.Geol., Dr. Ismail Bin Abd Rahim, P.Geol., Prof. Dr. Sahibin @ Sahibini Bin Abd Rahim, P.Geol., dan Prof. Dr. Baba Bin Musta, P.Geol. Seterusnya, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Rodeano Bin Roslee, P.Geol. dilantik sebagai moderator utama bagi mengendalikan sesi perbincangan berkumpulan (10 kumpulan). Hasil perbincangan termasuk cadangan dan resolusi permasalahan setiap kumpulan dikumpul dan dibentang oleh moderator utama. Secara rumusannya, program tersebut berjaya dilaksanakan dengan lancar serta mencapai objektif yang disasarkan.




## xii. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2027

Bagi menyahut seruan kerajaan dalam usaha membendung rasuah dan meningkatkan integriti dalam perkhidmatan awam, Lembaga telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi 2023-2027, Lembaga Ahli Geologi Malaysia. Matlamat Pelan Antirasuah Lembaga adalah bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan - NACP) untuk mencapai aspirasi supaya "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah".

Bidang keutamaan yang telah dikenalpasti adalah:

- i. Pendaftaran ahli geologi dan firma perunding geologi;
- ii. Kawalselia dan penguatkuasaan; dan
- iii. Pengurusan kewangan dan perolehan


Sebanyak 15 inisiatif telah dikenalpasti untuk diambil tindakan bagi mengelakkan salah laku rasuah serta meningkatkan ketelusan dan integriti dalam tadbir urus Lembaga.



## xiii. Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia 2023-2040

Bagi meningkatkan profesion geologi dan perkhidmatan ahli geologi kepada pembangunan sosio-ekonomi negara, Lembaga telah mengorak langkah untuk membangunkan Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia 2023-2040. Sehubungan dengan itu, satu Pasukan Petugas Pelan Strategik telah ditubuhkan yang terdiri daripada 11 orang ahli dan diketuai oleh Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira, P.Geol. Pelan strategik ini akan menjadi dokumen rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat organisasi untuk tempoh masa mendatang.

Sepanjang tahun 2022, Pasukan Petugas telah mengadakan perbincangan sebanyak enam (6) kali untuk membincang isu-isu dan merangka pelan strategik. Pada 16 Jun 2022, satu Sesi Perundingan Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia telah diadakan secara atas talian. Seramai 195 peserta telah menyertai sesi perundingan ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Ahli Geologi Malaysia, wakil Institut Geologi Malaysia (IGM), wakil Persatuan Geologi Malaysia (GSM) serta ahli geologi profesional dan ahli geologi siswazah. Matlamat sesi tersebut adalah untuk mendapatkan input mengenai cabaran, harapan dan keutamaan ahli geologi terhadap Lembaga Ahli Geologi Malaysia dan profesion geologi.



# **PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Lembaga Ahli Geologi dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Ahli Geologi pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Ahli Geologi dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Lembaga, Lembaga Ahli Geologi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Ahli Geologi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Ahli Geologi;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Ahli Geologi sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Ahli Geologi tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Ahli Geologi berdasarkan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
**(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA  
  
PUTRAJAYA  
11 SEPTEMBER 2023



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI**


Kami **DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD** dan **ENCIK ZAMRI BIN RAMLI** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Ahli Geologi dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Ahli Geologi yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Ahli Geologi pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD, P.Geol., MIGM  
PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga,



ENCIK ZAMRI BIN RAMLI, P.Geol., MIGM  
ANGGOTA LEMBAGA

TARIKH : **8/5/2023**

PUTRAJAYA

TARIKH : **8/5/2023**

PUTRAJAYA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Saya, **MOHD BADZRAN BIN MAT TAIB**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Ahli Geologi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti , Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Ahli Geologi dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Putrajaya **PUTRAJAYA** )  
pada **WILAYAH PERSEKUTUAN**)  
**08 MAY 2023**



**MOHD BADZRAN BIN MAT TAIB, BCK, JSM, P.GeoL.**

Nombor Kad Pengenalan : 620815-03-5237

Di hadapan saya,



**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**  
 Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
 PADA 31 DISEMBER 2022**

|  | Nota | 2022<br>RM       | 2021<br>RM       |
|--|------|------------------|------------------|
| <b>ASET BUKAN SEMASA</b>                         |      |                  |                  |
| Hartanah, loji dan peralatan                     | 4    | 11,349           | 17,028           |
| <b>ASET TIDAK KETARA</b>                         |      | 9,423            | -                |
| <b>ASET SEMASA</b>                               |      |                  |                  |
| Yuran tertunggak                                 | 5    | 305,578          | 322,935          |
| Pelbagai penghutang deposit dan pendahuluan      | 6    | 600              | 600              |
| Faedah simpanan tetap terakru                    |      | 57,393           | 42,183           |
| Tunai dan kesetaraan tunai                       | 7    | 1,477,194        | 1,502,984        |
| Pelaburan jangka pendek                          | 8    | 1,000,000        | 1,000,000        |
| <b>JUMLAH ASET</b>                               |      | <b>2,861,537</b> | <b>2,885,730</b> |
| <b>EKUITI DAN LIABILITI<br/>   DIBIAYAI OLEH</b> |      |                  |                  |
| Lebihan terkumpul                                |      | 2,800,907        | 2,795,639        |
| <b>LIABILITI SEMASA</b>                          |      |                  |                  |
| Pendahuluan yuran                                |      | 43,135           | 70,200           |
| Pelbagai pembiutang dan akruan                   | 9    | 17,495           | 17,015           |
| Manfaat kakitangan                               |      | -                | 2,876            |
| <b>JUMLAH LIABILITI</b>                          |      | <b>60,630</b>    | <b>90,091</b>    |
| <b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>               |      | <b>2,861,537</b> | <b>2,885,730</b> |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 18 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**  
Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

|   | Nota | 2022<br>RM     | 2021<br>RM     |
|---|------|----------------|----------------|
| Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran    | 10   | 260,000        | 150,000        |
